

Nelayan menderita sungai tercemar

Oleh NORHAYATI YAHAYA
norhayati.yahaya@kosmo.com.my

KUALA SELANGOR – Kira-kira 400 nelayan di Bagan Sungai Buloh, Jeram di sini kecewa apabila hasil pendapatan mereka yang sebelum ini mencecah RM3,000 sebelum kini merosot hampir 50 peratus akibat pembuangan sisa kumbahan di sungai tempat mereka mencari rezeki.

Lebih malang, sebilangan nelayan yang menggunakan kerang mendakwa mengalami kerugian besar apabila modal dilabur kira-kira RM100,000 seorang masih tidak membawa pulangan. Hal tersebut berlaku kerana hasil kerang yang diperoleh berkurangan daripada 10 tong kepada dua tong ketika ini.



JAMALUDDIN

Berikutan keadaan yang berlautan sejak hampir lima tahun itu, kebanyakan mereka terpaksa mencari pekerjaan lain bagi menyara kehidupan.

Seorang nelayan, **Jamaluddin Mohd. Isa**, 43, berkata, walaupun pelbagai aduan sudah dibuat kepada pihak bertanggungjawab termasuk Jabatan Alam Sekitar



NELAYAN Bagan Sungai Buloh menunjukkan sampel air sungai yang berwarna kehitaman dan busuk di Jeram, Kuala Selangor semalam.

(JAS) namun sungai yang dikenali sebagai Sungai Buloh itu masih tercemar.

“Kami bukan golongan berpelajaran tinggi dan apa yang dilaporkan dan dibincang dalam mesyuarat bersama pihak bertanggungjawab seolah-olah hanya masuk telinga kanan dan keluar telinga kiri.

“Kami hanya mahukan perubahan pada air sungai supaya lebih bersih dan tindakan diambil terhadap pihak tidak bertanggung-

jawab yang membuang sisa kumbahan terus ke dalam sungai,” katanya ketika ditemui di Jeti Bagan Sungai Buloh di sini semalam.

Sementara itu, **Mohammad Ismail Ibrahim**, 58, melahirkan rasa bimbang jika ada pihak mengalami keracunan makanan selepas makan kerang yang ditenak di kawasan jeti mereka.

“Nasib baik setakat ini, tiada sebarang aduan mengenai keracunan kerang tetapi kami bim-

bang jika siasatan dan tindakan lanjut tidak diambil, masalah kualiti kerang akan terus berlanjutan,” ujarnya.

Bagi **Kahar Buntal**, 60, yang tidak tahan lagi dengan masalah itu telah mengambil beberapa sampel air sungai sejak 31 Ogos lalu sehingga semalam dan hasil pemerhatian mendapati berlaku pencemaran apabila air berwarna hitam dan berbau busuk.

“Dulu nelayan di sini bukan sa-



SUNGAI Buloh di Jeram kini semakin tercemar akibat perbuatan membuang sisa kumbahan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

haja dapat menangkap ikan seperti sembilang, siapak dan baung, malah membuat pendapatan sampingan apabila ada pelancong serta pelajar datang untuk membuat kajian tentang pelbagai jenis burung yang singgah di sini.

“Namun kini semuanya berubah apabila jumlah burung dan ikan berkurangan selain pokok bakau yang ada di kawasan sungai banyak yang tinggal ranting dan mati,” ujarnya.